

FAKTOR PENERIMAAN DAN PENOLAKAN HIBAH

Nur Haziqah Mohd Khairon ⁱ, Zul-kifli Hussin ⁱⁱ, Sharifah Nurulhuda S Ab Latif ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Emel: haziqahkhairon@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia E-mel:

zul-kifli@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. E-mel:
sharifahnurulhuda@usas.edu.my

ABSTRAK

Hibah adalah merupakan satu bentuk pemberian harta secara sukarela dalam perancangan harta pusaka umat Islam di Malaysia. Namun pemberian hibah ini seringkali dicabar di mahkamah dan menjadi isu dalam pewarisan harta di Malaysia. Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan dan penolakan dokumen hibah, dengan tumpuan kepada kes-kes di Mahkamah Syariah Perak. Isu permasalahan adalah kekeliruan mengenai syarat sah hibah dan kriteria yang menyebabkan dokumen tersebut ditolak. Ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat Syariah sering menimbulkan pertikaian dan penolakan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor penerimaan dan penolakan dokumen hibah serta memahami bagaimana proses ini dapat diperbaiki. Kajian ini menggunakan metodologi dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melibatkan temubual secara separa struktur dengan hakim dan peguam syarie, kemudian data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatkan kajian mendapati bahawa masalah utama yang menjadi salah satu faktor penolakan hibah di mahkamah adalah disebabkan ketidaklengkapan dalam memenuhi rukun-rukun syarak hibah termasuklah dalam menyalahafsirkan rukun yang wajib ada. Cadangan kajian ini adalah penyediaan garis panduan yang lebih terperinci seperti mewujudkan undang-undang hibah yang diwartakan supaya dapat membantu peguam dalam memenuhi prosedur yang telah ditetapkan dan membantu hakim membuat keputusan dengan sebaiknya iaitu keputusan yang mengikut kepada keadaan semasa.

Kata-kata kunci: al-Mawhub lahu, al-Wahib, Hibah, Qabd

PENGENALAN

Hibah merupakan satu amalan yang digalakkan dalam agama Islam dan dihukumkan sebagai sunat, berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran. Antaranya, firman Allah SWT:

﴿فَإِنْ طِبَنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَيْئًا مَّرَبَّعًا﴾

Maksudnya: “Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.” (Surah al-Nisa’: 4)

Wahbah al-Zuhayli (1989) menyatakan bahawa hibah adalah pemberian harta oleh seseorang kepada individu lain semasa hidupnya tanpa memerlukan sebarang balasan. Dalam Islam, pemberian hibah ini diutamakan kepada ahli keluarga terdekat, dan ia mestilah memenuhi rukun hibah yang melibatkan pemberi, penerima, harta yang dihibahkan, dan sighah (ijab dan qabul). Praktik ini bukan sahaja dapat mengelakkan pertikaian selepas kematian tetapi juga mempereratkan hubungan kekeluargaan dan silaturahim (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali Asy-Sharbaji, 1996).

Di Malaysia, hibah memainkan peranan penting dalam perancangan harta pusaka umat Islam, kerana ia membolehkan pemilik harta untuk mengagihkankekayaan mereka kepada waris atau pihak ketiga semasa mereka masih hidup. Walau bagaimanapun, meskipun hibah mempunyai banyak manfaat, ia seringkali dicabar di mahkamah, khususnya apabila terdapat ketidakjelasan dalam dokumentasi atau ketidakpatuhan kepada syarat-syarat syarak yang telah ditetapkan (Abdullah, Ahmad, & Ismail, 2018).

Masalah utama dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah adalah ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat syarak yang menyebabkan dokumen hibah sering ditolak. Kekeliruan mengenai rukun hibah dan kriteria sah menyebabkan pertikaian yang akhirnya dibawa ke mahkamah. Ketidakpatuhan ini, sama ada dari segi penyediaan dokumen atau penyaksian, menimbulkan pelbagai cabaran dalam proses pengesahan hibah (Musa, 2019). Tambahan pula, peranan peguam dan pengamal undang-undang dalam memastikan dokumen hibah memenuhi semua syarat syarak juga memainkan peranan penting dalam menentukan penerimaan atau penolakan dokumen tersebut di mahkamah (Hassan, 2021).

Kajian ini menumpukan kepada analisis faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan dan penolakan dokumen hibah di Mahkamah Syariah Perak. Fokus diberikan kepada kes-kes yang melibatkan kekeliruan mengenai rukun hibah dan ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat syarak. Kajian ini juga merangkumi peranan peguam dalam penyediaan dokumen hibah serta impak ke atas keputusan mahkamah.

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan penerimaan dan penolakan dokumen hibah di Mahkamah Syariah Perak. Penekanan khusus diberikan kepada ketepatan dan kelengkapan dokumen hibah dalam proses pengesahan di mahkamah. Abdullah, Ahmad, dan Ismail (2018) menunjukkan bahawa dokumen yang tidak memenuhi syarat syarak cenderung untuk ditolak. Musa (2019) pula menekankan kepentingan pematuhan kepada format dan prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang Islam, dengan ketidakpatuhan menjadi punca utama penolakan dokumen hibah. Hassan (2021) meneliti peranan peguam dalam penyediaan dokumen hibah, mendapati bahawa peguam yang tidak mempunyai pemahaman mendalam mengenai rukun hibah sering kali menyebabkan dokumen tersebut tidak sah di sisi undang-undang Islam.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Hibah Berdokumen

Kajian oleh Rahman dan Hassan (2020) memberikan penekanan kepada kepatuhan syariah dalam dokumen hibah dan bagaimana ia mempengaruhi penerimaan oleh Mahkamah Syariah. Mereka mendapati bahawa kepatuhan terhadap prinsip-prinsip syariah adalah elemen kritikal untuk memastikan bahawa dokumen hibah diterima. Prinsip-prinsip ini termasuk adanya ijab (penawaran), qabul (penerimaan), dan saksi yang sah. Menurut kajian ini, dokumen hibah yang memenuhi syarat-syarat ini memiliki peluang yang lebih tinggi untuk diterima oleh mahkamah (Rahman & Hassan, 2020). Kajian ini juga menekankan bahawa ketidakpatuhan terhadap prinsip-prinsip syariah seperti ketiadaan ijab dan qabul atau saksi yang tidak sah boleh menyebabkan penolakan oleh mahkamah. Oleh itu, pematuhan yang ketat terhadap semua syarat syariah adalah penting untuk memastikan penerimaan sah dokumen hibah di mahkamah (Rahman & Hassan, 2020).

Kajian oleh Ahmad dan Yusof (2021) menilai bagaimana kesalahan dan kecacatan dalam dokumentasi hibah boleh mempengaruhi keputusan penolakan oleh Mahkamah Syariah. Kajian ini menunjukkan bahawa kesalahan dalam penyediaan dokumen, seperti kekurangan bukti pengesahan atau dokumen yang tidak lengkap, sering menjadi sebab utama penolakan oleh mahkamah (Ahmad & Yusof, 2021). Mereka mendapati bahawa ketidaktepatan dalam dokumentasi boleh menyebabkan ketidakpastian mengenai niat pemberi hibah dan kesahihan perjanjian, yang akhirnya mempengaruhi keputusan mahkamah untuk menolak hibah tersebut. Kajian ini menyoroti bahawa dokumentasi yang tidak mematuhi prosedur dan syarat yang ditetapkan oleh undang-undang syariah boleh mengakibatkan penolakan walaupun niat pemberi hibah adalah baik (Ahmad & Yusof, 2021).

Kajian oleh Mohamed dan Ali (2019) membincangkan peranan bukti pengesahan dalam penerimaan hibah berdokumen oleh Mahkamah Syariah. Kajian ini mendapati bahawa dokumen hibah yang disertai dengan bukti pengesahan yang sah dan lengkap mempunyai peluang yang lebih baik untuk diterima. Mereka menekankan bahawa bukti pengesahan seperti pengesahan saksi dan pihak ketiga memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesahihan dokumen hibah (Mohamed & Ali, 2019). Kajian ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah memerlukan bukti pengesahan yang kukuh untuk memastikan bahawa dokumen hibah bukan sahaja sah dari segi syariah tetapi juga mempunyai integriti dan kejelasan. Dokumen yang dilengkapi dengan bukti pengesahan yang tepat membantu mengelakkan penolakan dan memastikan bahawa perjanjian hibah diterima (Mohamed & Ali, 2019).

Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Berkaitan Hibah

Kajian oleh Ahmad dan Ismail (2019) meneliti peranan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam penilaian dan keputusan kes hibah. Kajian ini menekankan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai kuasa penuh untuk menilai kesahihan hibah berdasarkan syarat-syarat syariah yang ditetapkan. Mahkamah Syariah tidak hanya bergantung kepada dokumen hibah yang dikemukakan, tetapi juga mempertimbangkan niat pemberi hibah dan bukti yang dikemukakan

untuk memastikan bahawa perjanjian tersebut memenuhi prinsip syariah (Ahmad & Ismail, 2019). Kajian ini mendapati bahawa proses penilaian oleh Mahkamah Syariah melibatkan pemeriksaan terperinci terhadap kejelasan dokumen hibah, yang meliputi elemen seperti ijab (penawaran), qabul (penerimaan), serta adanya saksi dan bukti yang sah. Penilaian ini memerlukan pemahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip syariah dan keperluan dokumentasi yang sesuai untuk memastikan bahawa hibah itu sah dan memenuhi semua syarat yang ditetapkan (Ahmad & Ismail, 2019). Kes-kes di mana dokumen hibah tidak mematuhi prinsip syariah atau terdapat ketidaksesuaian dalam niat pemberi hibah, mahkamah mempunyai kuasa untuk menolak hibah tersebut.

Kajian oleh Farid dan Zakaria (2020) membincangkan bagaimana keputusan Mahkamah Syariah mempengaruhi penolakan hibah. Kajian ini mendapati bahawa banyak keputusan penolakan oleh Mahkamah Syariah berpunca daripada ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat dokumentasi dan prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang syariah. Sebagai contoh, jika dokumen hibah tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti ijab, qabul, atau ketiadaan saksi yang sah, mahkamah mungkin akan menolak hibah tersebut (Farid & Zakaria, 2020). Kajian ini juga menyoroti bahawa penolakan boleh berlaku jika terdapat unsur penipuan atau ketidakadilan dalam proses hibah. Mahkamah Syariah memberikan perhatian khusus kepada kejelasan dan kesahihan dokumen hibah sebagai faktor utama dalam menentukan sama ada hibah diterima atau ditolak. Oleh itu, pematuhan kepada semua keperluan dokumentasi yang sah dan prosedur syariah adalah kritikal untuk memastikan penerimaan hibah oleh mahkamah (Farid & Zakaria, 2020).

Kajian oleh Ibrahim dan Mohamed (2021) membincangkan pelbagai faktor yang mempengaruhi penerimaan hibah oleh Mahkamah Syariah. Kajian ini menilai beberapa aspek penting seperti kejelasan dokumen, kesesuaian prosedur, dan bukti sokongan yang mempengaruhi keputusan mahkamah. Mahkamah Syariah menilai hibah berdasarkan beberapa kriteria, termasuk kesahihan dokumentasi, niat pemberi hibah, dan pematuhan terhadap prinsip-prinsip syariah (Ibrahim & Mohamed, 2021). Menurut kajian ini, dokumen hibah yang disediakan dengan betul, yang memenuhi semua keperluan syariah dan disokong dengan bukti yang tepat, mempunyai peluang yang lebih baik untuk diterima oleh mahkamah. Sebaliknya, kekurangan dalam dokumentasi, ketidakpatuhan terhadap prosedur yang ditetapkan, atau ketiadaan bukti sokongan yang sah boleh menyebabkan penolakan hibah. Kajian ini menekankan bahawa pematuhan terhadap semua keperluan syariah dan penyediaan bukti yang lengkap dan tepat adalah faktor penting dalam meningkatkan peluang penerimaan hibah oleh Mahkamah Syariah (Ibrahim & Mohamed, 2021).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan rekabentuk kajian kualitatif yang memberi penelitian terhadap penilaian di Mahkamah Syariah Perak mengenai faktor penerimaan dan penolakan kes berkaitan dokumen hibah (Rahman & Abdullah, 2018; Ismail et al., 2020). Kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk kajian ini termasuk data primer melalui temubual hakim dan peguam syariah dan data sekunder seperti kitab-kitab fiqh, artikel-artikel lepas, alasan penghakiman dan jurnal hukum (Ibrahim & Mohamed, 2018; Sulaiman & Hamid, 2019). Analisis data dalam kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif melalui analisis tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan faktor penerimaan dan penolakan dokumen

hibah (Ali & Hasan, 2017; Abdullah & Noor, 2019). Senarai responden yang ditemubual bagi kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Informan

Informan	Nama	Jawatan	Tarikh Temubual
INFH.	Mohammad Esham Bin Abdul Samad	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ipoh, Perak	29 Ogos 2024
INFP.	Muhammad Fadzil Athif Khairuddin	Peguam Syarie Ipoh, Perak	30 Ogos 2024

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada kajian literatur menunjukkan beberapa penemuan penting mengenai hibah dalam Islam berdasarkan kajian oleh Rahman dan Hassan (2020) serta Ahmad dan Yusof (2021) menekankan kepentingan pematuhan terhadap prinsip-prinsip syariah dalam dokumen hibah sebagai faktor utama yang mempengaruhi penerimaan oleh Mahkamah Syariah. Mereka mendapati bahawa kepatuhan kepada syarat-syarat seperti ijab, qabul, dan kehadiran saksi yang sah meningkatkan peluang penerimaan dokumen hibah. Sebaliknya, kesalahan dalam penyediaan dokumen, termasuk ketiadaan unsur-unsur syariah ini atau ketidaklengkapan dokumentasi, sering menyebabkan penolakan oleh mahkamah.

Faktor Penolakan Hibah

Dalam konteks undang-undang Syariah, rukun hibah adalah elemen wajib yang mesti dipenuhi untuk memastikan kesahihan sesuatu hibah. Rukun ini termasuk pemberi hibah (*wahib*), penerima hibah (*mawhub lahu*), harta yang dihibahkan (*mawhub*), ijab (penawaran), dan qabul (penerimaan). Kepatuhan kepada rukun ini adalah penting kerana kegagalan mematuhi salah satu rukun ini boleh menyebabkan dokumen hibah tidak diterima oleh Mahkamah Syariah. Hal ini ada dinyatakan oleh hakim bahawa mahkamah sabit sah terima ini adalah rukun yang lengkap dan sabit tidak sah hibah itu daripada rukun yang tidak lengkap [INFH/290824/B63-64].

Kajian oleh Khalid dan Omar (2021) menekankan bahawa rukun ijab dan qabul adalah elemen teras yang menentukan kesahihan sesuatu hibah. Mereka menyatakan bahawa tanpa ijab dan qabul yang jelas, persetujuan antara pemberi dan penerima hibah tidak dapat dibuktikan dengan sah, dan ini boleh menyebabkan dokumen hibah dipertikaikan di mahkamah (Khalid & Omar, 2021). Ijab dan qabul ini mesti dilakukan dalam satu majlis yang dihadiri oleh saksi-saksi yang sah untuk memastikan ketulenan perjanjian hibah tersebut.

Berdasarkan kes Azman Haris bin Jelani lwn Kamaliah binti Isa & Ors, adalah salah satu contoh penting dalam perbincangan mengenai kepentingan elemen ijab dan qabul dalam pengesahan hibah di Mahkamah Syariah. Ijab dan qabul adalah dua rukun utama yang wajib dipenuhi dalam pembentukan kontrak hibah yang sah dalam Islam. Tanpa kedua-dua elemen ini, hibah tidak boleh dianggap sah dan tidak dapat dikuatkuaskan secara undang-undang. Dalam kes ini, Azman Haris bin Jelani telah membuat tuntutan untuk pengesahan hibah terhadap beberapa aset yang didakwa telah dihibahkan oleh arwah bapanya kepada dirinya sebelum bapanya meninggal dunia. Walau bagaimanapun, pihak defendant, yang terdiri daripada ahli keluarga yang lain, mencabar kesahihan hibah tersebut dengan mendakwa bahawa proses ijab dan qabul tidak dilaksanakan dengan betul, atau tidak berlaku langsung. Isu utama dalam kes ini adalah sama ada elemen ijab (penawaran) dan qabul (penerimaan) telah dipenuhi dalam proses hibah yang didakwa oleh pihak plaintiff. Pihak defendant berhujah bahawa tanpa bukti yang jelas mengenai adanya ijab dan qabul, hibah tersebut tidak sah mengikut undang-undang Syariah. Mahkamah Syariah memutuskan bahawa elemen ijab dan qabul adalah wajib dan mesti dipenuhi dengan jelas untuk memastikan kesahihan sesuatu hibah. Menurut pakar mengatakan bahawa tidak ada langsung ijab dan qabul di antara plantif dan si mati itu ijab dengan cara berdepan dalam satu majlis. Mahkamah beranggapan bahawa sekiranya tidak ada ijab maknanya tidak ada qabul [INFH/290824/B302-306]. Dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa tidak ada bukti yang kukuh menunjukkan bahawa ijab dan qabul telah dilakukan antara arwah bapa plaintiff dan plaintiff itu sendiri. Ketiadaan saksi atau dokumentasi yang membuktikan wujudnya ijab dan qabul menyebabkan mahkamah menolak tuntutan hibah tersebut. Mahkamah berhujah bahawa ijab dan qabul adalah asas kepada pembentukan kontrak hibah. Ijab melibatkan penawaran harta oleh pemberi hibah, manakala qabul adalah penerimaan oleh penerima hibah. Kedua-dua elemen ini mesti berlaku dalam satu majlis dan mesti disertai dengan niat yang jelas daripada kedua-dua pihak untuk memastikan hibah tersebut sah. Dalam kes ini, kegagalan plaintiff untuk membuktikan berlakunya ijab dan qabul menyebabkan hibah tersebut dianggap tidak sah di sisi undang-undang Syariah.

Selain itu, faktor berlakunya penolakan ini adalah disebabkan harta itu sendiri. Kajian oleh Zain dan Ibrahim (2019) menekankan bahawa harta yang dihibahkan (*mawhub*) mesti jelas, nyata, dan berada di bawah milikan penuh pemberi hibah pada masa hibah dibuat. Mereka mendapati bahawa ketidakjelasan dalam penentuan harta atau jika harta tersebut berada di bawah sebarang sekatan undang-undang, dokumen hibah tersebut berisiko untuk ditolak oleh Mahkamah Syariah (Zain & Ibrahim, 2019). Wahbah al-Zuhayli (1994) membahagikan harta itu kepada dua iaitu harta milik sepenuh atau tidak sepenuhnya. Milik sepenuh ini adalah milik harta yang mengandungi kuasa pengawalan dan penggunaan ke atas sesuatu harta yang mana dengan pemilikan itu, bagi pemilik mempunyai segala bentuk hak yang dibenarkan oleh undang-undang. Di antara ciri-cirinya:

1. ia merupakan pemilikan mutlak yang kekal yang tidak terikat dengan masa tertentu selagi harta yang dimiliki itu masih ada.
2. ia tidak boleh gugur, biar sekalipun harta yang dimiliki itu dirampas orang dan pemiliknya berkata, "Aku gugurkan hak milikku". ia tidak gugur, harta yang dirampas kekal milik pemilik asal ia boleh dipindahkan kepada pemilik lain, kerana harta tidak seharusnya tidak mempunyai pemilik Pemindahan milik boleh dilakukan sama ada melalui kontrak pemindahan milik seperti jual beli atau melalui perwarisan atau wasiat.

Pemilik diberi kebebasan sepenuhnya mengguna, melabur dan mengendalikan harta mengikut kehendaknya. Ia berhak menjual atau meminjam dan menyewakan. Oleh kerana ia memiliki sepenuhnya barang dan manfaat, ia berhak menggunakan dalam bentuk barang atau benda dan manfaat atau manfaat sahaja.

Kes Al-Miqdad bin Anuar lwn Heslinsarah Nor'Ashikin adalah salah satu kes penghakiman penting yang menyentuh isu harta tidak matang dalam pengesahan hibah. Dalam kes ini, Mahkamah Syariah diberi tugas untuk menentukan sama ada harta yang belum mencapai kematangan boleh dihibahkan secara sah. Dalam kes ini, pemberi hibah, Al-Miqdad bin Anuar, telah membuat hibah ke atas sebidang tanah kepada penerima hibah, Heslinsarah Nor'Ashikin. Namun, pada masa hibah tersebut dibuat, tanah itu masih berada dalam proses pewarisan dan belum sepenuhnya didaftarkan di bawah nama Al-Miqdad sebagai pemilik yang sah. Tanah tersebut belum mencapai status kematangan dari segi hak milik penuh kerana terdapat isu-isu teknikal berkaitan pendaftaran tanah yang masih belum diselesaikan. Mahkamah Syariah dalam kes ini memutuskan bahawa hibah tersebut tidak sah kerana harta yang dihibahkan belum matang dan pemberi hibah tidak mempunyai hak milik penuh ke atas tanah tersebut pada masa hibah dilakukan. Mahkamah menekankan bahawa salah satu syarat utama untuk pengesahan hibah adalah harta tersebut mestilah berada dalam keadaan matang, jelas, dan sepenuhnya di bawah milikan pemberi hibah. Mahkamah berhujah bahawa dalam Islam, harta yang ingin dihibahkan mestilah bebas daripada sebarang bentuk sekatan atau pertikaian dan mesti mencapai tahap kematangan yang membolehkan pemberi hibah memindahkan hak milik tersebut kepada penerima hibah. Oleh itu, dalam kes Al-Miqdad bin Anuar lwn Heslinsarah Nor'Ashikin, mahkamah menegaskan bahawa harta yang belum matang, seperti tanah yang masih dalam proses pewarisan atau pendaftaran, tidak boleh dihibahkan secara sah. Keputusan ini mengukuhkan prinsip bahawa pengesahan hibah memerlukan harta yang dihibahkan memenuhi syarat-syarat kesempurnaan dan hak milik penuh. Keputusan dalam kes ini memberikan panduan yang jelas mengenai kepentingan status harta dalam hibah. Mahkamah menegaskan bahawa harta yang belum matang tidak boleh dijadikan objek hibah, dan sebarang dokumen hibah yang melibatkan harta sedemikian berisiko untuk ditolak oleh mahkamah.

Kajian oleh Hassan dan Aziz (2020) pula menggariskan kepentingan pemenuhan syarat-syarat yang berkaitan dengan pemberi dan penerima hibah. Mereka menjelaskan bahawa pemberi hibah mesti mempunyai kapasiti penuh untuk membuat hibah, termasuk kematangan umur, kesedaran, dan hak milik penuh terhadap harta yang dihibahkan. Begitu juga penerima hibah mesti mempunyai kelayakan untuk menerima harta tersebut, dan jika syarat-syarat ini tidak dipenuhi, dokumen hibah berpotensi untuk tidak diterima (Hassan & Aziz, 2020). Pematuhan kepada semua rukun hibah ini adalah penting untuk memastikan kesahihan hibah di bawah undang-undang Syariah.

Kes Noraini binti Ahmad lwn Zainuddin bin Ismail & Ors, mahkamah membincangkan isu mengenai kapasiti pemberi dan penerima hibah, yang selaras dengan kajian oleh Hassan dan Aziz (2020). Dalam kes ini, pihak plaintiff, Noraini binti Ahmad, mencabar kesahihan hibah yang dibuat oleh arwah ayahnya kepada adik-beradik yang lain, dengan alasan bahawa arwah ayahnya tidak berada dalam keadaan mental yang waras semasa membuat hibah tersebut. Isu utama yang dibangkitkan dalam kes ini adalah sama ada pemberi hibah, iaitu arwah ayah

plaintif, mempunyai kapasiti penuh dari segi mental dan fizikal semasa membuat hibah tersebut. Selain itu, mahkamah juga meneliti sama ada penerima hibah memenuhi syarat kelayakan untuk menerima hibah tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa hibah ini tidak sah kerana pemberi hibah, pada waktu hibah itu dilakukan, pemberi hibah didapati tidak berada dalam keadaan mental yang stabil dan tidak memahami sepenuhnya implikasi tindakannya. Ini menunjukkan bahawa kapasiti penuh adalah syarat kritis dalam pembentukan hibah yang sah. Mahkamah juga menegaskan bahawa pematuhan kepada semua rukun hibah, termasuk syarat-syarat yang berkaitan dengan pemberi dan penerima hibah, adalah wajib untuk memastikan kesahihan sesuatu hibah. Mahkamah menyatakan bahawa kapasiti mental pemberi hibah adalah elemen penting yang tidak boleh dikompromi. Kegagalan untuk membuktikan bahawa pemberi hibah berada dalam keadaan mental yang waras menyebabkan hibah tersebut dianggap tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Cadangan Pengurangan Faktor Penolakan Hibah

Penggubalan Enakmen Undang-Undang Khusus Hibah di Negeri Perak

Penggubalan enakmen undang-undang khusus hibah di Negeri Perak adalah merupakan salah satu langkah untuk memastikan bahawa proses hibah di negeri ini dilakukan mengikut syarat-syarat yang jelas dan terperinci, serta mengurangkan kemungkinan penolakan di mahkamah akibat daripada kekeliruan atau ketidakpatuhan terhadap prosedur yang ditetapkan. Menggubal enakmen undang-undang khusus untuk hibah di Negeri Perak akan memberikan kepastian hukum yang diperlukan dalam pengurusan hibah. Dengan adanya undang-undang yang khusus, akan terdapat rujukan rasmi yang boleh digunakan oleh semua pihak, termasuk pemberi hibah, penerima hibah, dan peguam, untuk memastikan bahawa semua syarat yang diperlukan dipenuhi. Sebagai contoh, enakmen ini boleh menetapkan dengan jelas bahawa proses hibah mesti melibatkan ijab (penawaran) dan qabul (penerimaan) yang dilakukan dalam satu majlis, disertai dengan kehadiran saksi yang sah. Dengan peruntukan ini, semua pihak akan lebih memahami dan mematuhi keperluan tersebut, mengurangkan risiko penolakan di mahkamah (Hassan & Aziz, 2020).

Selain itu, enakmen ini juga akan memudahkan pengurusan hibah dengan menyediakan prosedur standard yang perlu dipatuhi. Ini akan memastikan proses hibah dapat dilakukan dengan lebih lancar dan teratur, serta mengurangkan kekeliruan dan kesilapan dalam penyediaan dan pengesahan dokumen hibah. Contohnya, enakmen boleh mengatur tentang prosedur pendaftaran hibah, termasuk format dokumen yang perlu disediakan, dan mekanisme untuk mendapatkan pengesahan daripada pihak berkuasa. Dokumen hibah yang perlu dihantar untuk pendaftaran boleh termasuk salinan sijil kematian pemberi hibah, dokumen pengesahan saksi, dan bukti pemilikan harta yang jelas (Hassan & Aziz, 2020).

Sebagai rujukan bagi penggubalan undang-undang ini boleh merujuk enakmen dari negeri lain seperti Enakmen Hibah Negeri Johor 1999 dan Enakmen Pendaftaran Harta Warisan Negeri Selangor boleh dijadikan panduan. Enakmen ini menggariskan syarat-syarat dan prosedur yang jelas untuk hibah dan pendaftaran harta, yang boleh diadaptasi untuk Negeri Perak. Contoh ini menunjukkan bagaimana peruntukan khusus boleh dilaksanakan secara praktikal dan efektif untuk memberikan asas yang kukuh bagi penggubalan enakmen hibah di Negeri Perak.

KESIMPULAN

Artikel ini mencadangkan penggubalan enakmen undang-undang khusus berkaitan hibah di Negeri Perak bagi memastikan pelaksanaan hibah yang lebih jelas dan teratur. Dengan adanya enakmen ini, syarat dan prosedur hibah seperti ijab, qabul, saksi, dan pendaftaran dokumen dapat dijelaskan serta dapat mengurangkan risiko penolakan di mahkamah. Implikasi praktikalnya adalah pengurusan hibah yang lebih cekap, mengurangkan konflik, dan memperkuatkan keyakinan terhadap sistem perundangan Syariah.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah bimbingan atas tunjuk ajar dan sokongan yang tidak ternilai dalam menyempurnakan artikel ini.

RUJUKAN

- Abdullah, M., Ahmad, A., & Ismail, R. (2018). Legal Challenges in the Implementation of Hibah in Malaysia: A Review. *Journal of Islamic Law Studies*, 15(2), 45-60.
- Abdullah, M., & Noor, H. (2019). Factors Influencing Hibah Documentation in Malaysia: A Thematic Study. *Journal of Shariah Law*, 16(2), 97-110.
- Ahmad, M., & Ismail, R. (2019). The Role of Syariah Court Jurisdiction in Evaluating Hibah Cases. *Journal of Islamic Law and Society*, 33(3), 45-60.
- Ahmad, M., & Yusof, N. (2021). The Impact of Documentation Errors on Hibah Rejection. *Syariah Law Review*, 27(3), 82-95.
- Ali, M., & Hasan, S. (2017). Thematic Analysis of Syariah Court Decisions on Hibah: Acceptance and Rejection Factors. *Journal of Islamic Law*, 9(2), 55-69.
- Farid, A., & Zakaria, S. (2020). The Impact of Syariah Court Decisions on Hibah Rejection. *Syariah and Legal Review*, 29(2), 101-115.
- Hassan, F., & Aziz, R. (2020). Syarat Pemberi dan Penerima Hibah dalam Konteks Syariah. *Journal of Shariah Law*, 18(1), 89-102.
- Hassan N. (2021). The Role of Lawyers in the Preparation of Hibah Documents: An Analysis. *International Journal of Islamic Law*, 34(1), 78-92.
- Ibrahim, A., & Mohamed, F. (2018). The Evaluation of Hibah in Islamic Legal Principles: A Case Study in Malaysian Syariah Courts. *Journal of Islamic Jurisprudence*, 14(2), 89-103.
- Ibrahim, A., & Mohamed, F. (2021). Factors Affecting the Acceptance of Hibah by Syariah Courts. *Journal of Islamic Jurisprudence and Practice*, 34(4), 88-102.
- Ismail, R., Ahmad, M., & Aziz, F. (2020). The Judicial Review of Hibah Cases: Factors Influencing Court Decisions. *Journal of Syariah and Legal Studies*, 22(1), 45-63.
- Khalid, N., & Omar, S. (2021). Aspek Kesahihan Ijab dan Qabul dalam Hibah: Satu Analisis di Mahkamah Syariah. *Journal of Islamic Transactions*, 17(4), 65-79.
- Mohamed, A., & Ali, M. (2019). The Role of Verification Evidence in the Acceptance of Hibah Documents. *Journal of Islamic Jurisprudence*, 32(1), 45-59.

- Musa, M. (2019). Compliance with Islamic Legal Requirements in Hibah Documentation: Issues and Solutions. *Malaysian Law Journal*, 27(3), 120-135.
- Rahman, A., & Abdullah, M. (2018). The Challenges of Hibah Documentation in Syariah Courts. *Journal of Islamic Law*, 12(3), 65-78.
- Rahman, N., & Hassan, S. (2020). The Importance of Sharia Compliance in Hibah Documents. *Journal of Islamic Law and Society*, 34(2), 121-135.
- Sulaiman, A., & Hamid, N. (2019). A Review of Judicial Reasoning in Hibah Cases: The Role of Syariah Courts in Malaysia. *International Journal of Islamic Legal Studies*, 18(3), 71-85.
- Zain, R., & Ibrahim, M. (2019). Kepentingan Kejelasan Harta dalam Dokumentasi Hibah. *Islamic Law Journal*, 13(2), 101-114.

Buku

- Khin, M. al-, M. al-Bugha, & A. al-Sharbaji. (1996). *al-Fiqh al-Manhaji: ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Dar al-Syamiah.
- Zuhayli, W. (1994). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Jilid 5). Beirut: Dar al-Fikr.
- Zuhayli, W. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Jilid 8). Beirut: Dar al-Fikr.

Kes

- Azman Haris bin Jelani v. Kamaliah binti Isa & Ors [2024] Syariah Perak 2307.
Al-Miqdad bin Anuar v. Heslinsarah Nor'Ashikin [2024] Syariah Perak 2311.
Noraini binti Ahmad v. Zainuddin bin Ismail & Ors [2017] Syariah Kelantan 32.

Temubual

- Mohammad Esham Abdul Samad, temubual 29 Ogos 2024.
Muhammad Fadzil Athif Khairuddin, temubual 30 Ogos 2024.